

Perlu dijadikan asas merumus dasar dalam agenda kerajaan

Semarakkan Rukun Negara

UM - 31/8/2020 m/s: 10

Oleh ZAREEN
HUMAIRAH SEJAHAN
zareen.hs@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Usaha menyemarakkan Rukun Negara perlu berterusan sesuai dengan perannya membina negara yang bersatu.


Ahli Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia, **Tan Sri Lee Lam Thye** berkata, tidak harus dilupakan tahun ini menandakan ulang tahun ke-50 Rukun Negara yang wujud setelah peristiwa 13 Mei 1969.

Beliau berkata, keputusan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadikan Rukun Negara sebagai agenda utama kerajaan merupakan langkah yang baik.

Beliau berharap lima prinsip Rukun Negara digunakan sebagai asas merumus dasar dan melaksanakan tindakan serta program.

"Pada tahun-tahun akan datang kerajaan dan rakyat harus menjalankan peranan untuk memupuk perpaduan nasional.

"Antaranya mendukung Perlembagaan Persekutuan dan pertahankannya, hormati dan menerima semua kaum dalam



LEE LAM THYE

negara kita yang berbilang kaum," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, penggiat sastera, **Dr. Lim Swee Tin** berkata, beliau sangat terharu melihat kebanyakan rakyat Malaysia masih bersemangat dalam menyambut Hari Kebangsaan.

"Saya melihat masih ramai rakyat Malaysia yang menyanyangi negara sepenuh hati walaupun negara dilanda Covid-19 dan kebanyakan rakyat terkesan berikutan kehilangan punca nafkah dan pemotongan gaji



LIM SWEE TIN

"Walaupun kita berada dalam situasi tersebut, namun semua kelompok masyarakat dalam negara terus bertungkus-lumus untuk mengeluarkan masyarakat dan negara daripada cengkaman Covid-19," katanya.

Tambah beliau, usaha yang dicurahkan rakyat untuk menyelamatkan negara daripada ancaman virus adalah bukti masyarakat Malaysia bersatu-padu bahkan berganding bahu menghadapi cabaran dan semangat patriotisme dalam kalangan mereka.

Menurut Swee Tin, serangan wabak Covid-19 tidak harus dijadikan sebab untuk Hari Kebangsaan disambut tanpa semangat patriotisme kerana nilai sebenar semangat itu terletak kepada kesedaran rakyat untuk membebaskan negara daripada kemelut politik dan ekonomi.

Dalam pada itu, Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Datuk Teo Kok Seong** berkata, semangat patriotisme haruslah sentiasa diterapkan tanpa mengira situasi yang dihadapi oleh negara.

"Semangat patriotisme bukan hanya diperlukan ketika negara dalam keadaan baik tetapi juga harus diterapkan ketika negara dalam kesusahan terutama di saat pandemik yang merupakan krisis kesihatan yang berat buat negara.

"Dalam masa yang sama, saya berpendapat lunturnya semangat dalam kalangan rakyat Malaysia tidak harus dipandang remeh. Rakyat mungkin bersikap demikian kerana mereka tidak berpuas hati dengan sesuatu perkara termasuk ketidakstabilan politik dan ekonomi," ujarnya.